



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN, MALAYSIA

JULAI 2023

Indeks Pengeluaran Perindustrian Malaysia memulih kepada 0.7 peratus pada Julai 2023, didorong momentum pertumbuhan sektor Perlombongan dan Elektrik

PUTRAJAYA, 11 September 2023 – Indeks Pengeluaran Perindustrian Malaysia memulih kepada 0.7 peratus pada Julai 2023, didorong momentum pertumbuhan sektor Perlombongan dan Elektrik. Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan dalam keluaran **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Malaysia, Julai 2023** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor iaitu Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Mengulas laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan berkata, "IPP kembali kepada jajaran positif pada Julai 2023, merekodkan pertumbuhan 0.7 peratus tahun ke tahun berbanding negatif 2.2 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. Peningkatan marginal pada Julai 2023 adalah disokong oleh pengembangan dalam sektor Perlombongan pada 4.2 peratus (Jun 2023: -6.4%) dan sektor Elektrik sebanyak 1.5 peratus (Jun 2023: 2.8%). Sementara itu, sektor Pembuatan terus merosot, namun dengan penurunan yang lebih kecil iaitu 0.2 peratus berbanding negatif 1.6 peratus yang dicatatkan pada Jun 2023. Bagi perbandingan bulan ke bulan, IPP turun 1.8 peratus berbanding pertumbuhan positif 2.2 peratus pada bulan sebelumnya."

Ketua Perangkawan mengulas lanjut, "Penurunan lebih kecil dalam pengeluaran Pembuatan pada Julai 2023 adalah disokong oleh pengembangan dalam industri berorientasikan domestik sebanyak 6.0 peratus (Jun 2023: 4.1%). Peningkatan tersebut dipacu terutamanya oleh pertumbuhan dua digit sebanyak 11.9 peratus dalam Pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler. Tambahan pula, Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin & kelengkapan; dan Pembuatan produk prosesan makanan turut menyokong pertumbuhan dengan masing-masing sebanyak 6.9 peratus dan 7.0 peratus.

Sebaliknya, industri berorientasikan eksport yang menyumbang lebih kurang dua pertiga daripada pengeluaran Pembuatan, kekal dalam aliran menurun dengan negatif

2.7 peratus (Jun 2023: -3.9%). Penyusutan tersebut dipengaruhi terutamanya oleh kejatuhan dalam Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-10.1%); Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal (-9.0%); dan Pembuatan produk getah (-1.6%). Kemerosotan ini juga adalah selari dengan prestasi eksport negara yang jatuh 13.1 peratus pada Julai 2023. Berbanding bulan sebelumnya, pengeluaran sektor Pembuatan menurun 4.3 peratus.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin juga menambah, “Pengeluaran sektor Perlombongan mengalami peningkatan 4.2 peratus pada Julai 2023 berbanding negatif 6.4 peratus direkodkan pada Jun 2023. Kenaikan tersebut dipacu oleh Minyak Mentah & Kondensat yang mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 11.8 peratus (Jun 2023: -4.5%), manakala Gas Asli mencatatkan penurunan yang lebih kecil 0.8 peratus (Jun 2023: -7.8%) pada bulan ini. Berbanding bulan Jun 2023, indeks Perlombongan berkembang 8.0 peratus berbanding penurunan 7.7 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya.”

Sementara itu, pengeluaran Elektrik meningkat 1.5 peratus pada Julai 2023, menyusuli pertumbuhan 2.8 peratus pada bulan lalu. Berbanding bulan sebelumnya, indeks Elektrik meningkat 1.8 peratus, selepas mencatatkan kejatuhan 5.3 peratus pada bulan Jun 2023.


Merumuskan kenyataannya mengenai prestasi IPP bagi tujuh bulan pertama tahun 2023, Ketua Perangkawan berkata, “IPP meningkat pada kadar yang perlahan sebanyak 1.2 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya (Januari - Julai 2022: 6.4%) dengan kesemua sektor mencatatkan peningkatan iaitu indeks Pembuatan (1.4%); indeks Perlombongan (0.3%); dan indeks Elektrik (1.6%).”

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


**Carta 1: Prestasi Indeks Pengeluaran Perindustrian,
Julai 2022 – Julai 2023**




**Carta 2: Prestasi Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Komponennya,
Julai 2022 – Julai 2023**




Carta 3: Pertumbuhan Indeks Pembuatan Mengikut Subsektor, Jun 2023 dan Julai 2023




Carta 4: Prestasi Indeks Pembuatan Mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Julai 2022 – Julai 2023



**Carta 5: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan,
Jun 2023 dan Julai 2023**



**Carta 6: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan,
Jun 2023 dan Julai 2023**



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
11 SEPTEMBER 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
INDEX OF INDUSTRIAL PRODUCTION MALAYSIA
JULY 2023

Malaysia's Industrial Production Index rebounded to 0.7 per cent in July 2023, spurred by the growth momentum in Mining and Electricity sectors

PUTRAJAYA, 11 September 2023 - Malaysia's Industrial Production Index rebounded to 0.7 per cent in July 2023, spurred by the growth momentum in Mining and Electricity sectors. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today in the release of the **Industrial Production Index (IPI), Malaysia, July 2023**. This publication presents IPI statistics, consisting of three sectors namely Mining, Manufacturing and Electricity.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician said, "The IPI returned to positive territory in July 2023, recording a 0.7 per cent year-on-year growth as against negative 2.2 per cent recorded in the previous month. The marginal increase in July 2023 was backed by the expansion in Mining sector at 4.2 per cent (June 2023: -6.4%) and Electricity sector by 1.5 per cent (June 2023: 2.8%). Meanwhile, the Manufacturing sector continued to decline, albeit with a smaller decrease of 0.2 per cent as compared to the negative 1.6 per cent registered in June 2023. On a month-on-month comparison, the IPI fell by 1.8 per cent, contrasting with the positive growth of 2.2 per cent in the previous month."

The Chief Statistician further elaborated, "The smaller decrease in the Manufacturing output in July 2023 was supported by the expansion in the domestic-oriented industries at 6.0 per cent (June 2023: 4.1%). The growth was propelled mainly by the double-digit growth of 11.9 per cent in the Manufacture of motor vehicles, trailers & semi-trailers. In addition, the Manufacture of fabricated metal products, except machinery & equipment; and the Manufacture of food processing products also supported the growth at 6.9 per cent and 7.0 per cent respectively.

On the other hand, the export-oriented industries which encompassed about two-thirds of the Manufacturing output, remained on a downward trend with a negative 2.7 per cent (June 2023: -3.9%). The contraction was primarily influenced by the decline in the Manufacture of coke & refined petroleum products (-10.1%); Manufacture of computer, electronics & optical products (-9.0%); and the Manufacture

of rubber products (-1.6%). This was in line with the country's export performance which dropped by 13.1 percent in July 2023. In comparison with the preceding month, the production of the Manufacturing sector slipped by 4.3 per cent.”

Adding further, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The output in the Mining sector turned upward to 4.2 per cent in July 2023 as against negative 6.4 per cent recorded in June 2023. The increase was impelled by Crude Oil & Condensate which registered double-digit growth of 11.8 per cent (June 2023: -4.5%), while Natural Gas posted a smaller decline of 0.8 per cent (June 2023: -7.8%) during the month. As compared to June 2023, the Mining index accelerated by 8.0 per cent in contrast to the 7.7 per cent drop registered in the previous month.”

Nonetheless, the Electricity output rose by 1.5 per cent in July 2023, following a growth of 2.8 per cent in the previous month. In comparison to the preceding month, the Electricity index grew 1.8 per cent, after registering a decline of 5.3 per cent in June 2023.


Concluding his statement on the IPI performance for the first seven months of 2023, the Chief Statistician said, “The IPI expanded at a slower rate of 1.2 per cent as compared to the same period of the previous year (January - July 2022: 6.4%) with all sectors posting positive growth namely Manufacturing index (1.4%); Mining index (0.3%); and Electricity index (1.6%).”

DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.


DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

**Chart 1: Performance of Industrial Production Index,
July 2022 – July 2023**



**Chart 2: Performance of Industrial Production Index and Its Components
July 2022 – July 2023**



**Chart 3: Manufacturing Index Growth by Subsector,
June 2023 and July 2023**







Chart 4: Performance of Manufacturing Index by Export and Domestic Oriented Industries, July 2022 – July 2023



**Chart 5: Manufacturing Export-Oriented by Group,
June 2023 and July 2023**



**Chart 6: Manufacturing Domestic-Oriented by Group,
June 2023 and July 2023**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
11 SEPTEMBER 2023**